

# Lampiran Penerangan Produk Smartcare Plus™ Polisi Insurans Kemalangan Peribadi

Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli pelan Smartcare Plus™. Pastikan Anda juga baca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

CHUBB®

## 1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberi ganti rugi apabila terjadinya kecederaan yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh cara luar yang dashyat, dan boleh dilihat dan secara kemalangan. Sila rujuk kepada Keterangan Polisi untuk butir-butir terperinci.

## 2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberi?

Polisi ini melindungi, bergantung kepada pelan yang dipilih oleh Anda:

Manfaat	Silver	Gold	Titanium
Kematian Akibat Kemalangan	RM 40,000	RM 60,000	RM 100,000
Hilang Upaya Akibat Kemalangan (sehingga)	RM 40,000	RM 60,000	RM 100,000
Pendapatan Harian Hospital Akibat Kemalangan (dibayar sehingga maksimum 210 hari)	RM 100 sehari	RM 100 sehari	RM 100 sehari
Perbelanjaan Hidup (bayaran sekaligus akibat Hilang Upaya Secara Kekal & Menyeluruh)	RM 12,000	RM 18,000	RM 30,000
Penyelesaian Pinjaman Yang Belum Jelas (akibat Kematian atau Hilang Upaya Akibat Kemalangan) (sehingga)	RM 10,000	RM 25,000	RM 40,000
Manfaat Perlindungan Keluarga (bayaran sekaligus di atas Kematian Akibat Kemalangan Orang Tertanggung)	RM 5,000	RM 6,000	RM 10,000
Manfaat Pendidikan (bayaran sekaligus sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan Orang Tertanggung)	RM 2,000	RM 2,500	RM 5,000
Perbelanjaan Pengebumian (bayaran sekaligus di atas Kematian Akibat Kemalangan Orang Tertanggung)	RM 2,000	RM 2,000	RM 2,500
Perbelanjaan Mobiliti (sehingga)	RM 1,000	RM 1,000	RM 1,500

Bayaran Ambulans (sehingga)	RM 200	RM 200	RM 300
Bonus Pembaharuan (10% setiap tahun sehingga 3 tahun di atas jumlah tertanggung) (maksimum)	RM 12,000	RM 18,000	RM 30,000
Premium 1-tahun termasuk CP	RM 189.00	RM 237.60	RM 432.00
Premium 2-tahun termasuk CP	RM 359.64	RM 451.44	RM 820.80
Premium 3-tahun termasuk CP	RM 510.84	RM 641.52	RM 1,166.40

Nota:

- (1) Sila rujuk kepada jadual manfaat untuk hilang upaya di dalam Keterangan Polisi.
- (2) Anda mestilah seorang pelanggan Pemegang Polisi, Penduduk Malaysia dan berumur di antara lapan belas (18) dan tujuh puluh (70) tahun pada Tarikh Mula Perlindungan.
- (3) Huraian perlindungan yang didapati hanyalah ringkasan sahaja untuk rujukan yang cepat dan mudah. Sila rujuk kepada Keterangan Polisi untuk butir-butir penuh perlindungan/manfaat di bawah Perlindungan Anda.

### 3. Apakah jumlah premium yang perlu Saya bayar?

Jumlah premium yang Anda perlu bayar bergantung kepada pelan yang Anda pilih di atas.

Premium yang dibayar untuk Perlindungan Anda di bawah Polisi tidak dijamin dan Kami berhak meminda premium pada tarikh ulangtahun Polisi berdasarkan kepada pengalaman portfolio dahulu dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada Anda mengenai apa-apa perubahan melalui komunikasi elektronik atau kepada alamat Anda yang terdapat dalam fail Kami. Premium boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat, terdapat perubahan terhadap manfaat produk dan/atau profil risiko Anda. Syarat-syarat tersebut bukan menyeluruh dan premium mungkin disemak-semula di bawah keadaan-keadaan lain yang wajar.

### 4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu Saya bayar?

Type	Amount
• Duti setem	• Tiada
• Cukai Perkhidmatan ("CP") (dimana berkenaan)	• Kadar cukai perkhidmatan berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan
• Komisen dibayar kepada perantara insurans (jika ada)	• Had maksimum sehingga 25% dari premium yang dikecualikan CPP

### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu Saya tahu?

- Kewajipan Pendedahan - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika Anda memohon untuk Perlindungan ini sepenuhnya untuk diri sendiri/keluarga/tanggungan, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa memohon untuk Perlindungan ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan Perlindungan Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan Perlindungan Anda.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam borang cadangan (atau apabila Anda memohon untuk Perlindungan ini), Anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga waktu Perlindungan Anda berkuatkuasa, diubah atau diperbaharui dengan Kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam borang cadangan (atau semasa memohon untuk Perlindungan ini), Anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas Perlindungan Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan Perlindungan ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- **Penyelesaian Pinjaman Yang Belum Jelas** - Jika berlaku Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Akibat Kemalangan dan Anda mempunyai Pinjaman Yang Belum Jelas yang terkini dengan Pemegang Polisi, Manfaat Penyelesaian Pinjaman Yang Belum Jelas akan pertamanya digunakan untuk menyelesaikan Pinjaman Yang Belum Jelas dengan Pemegang Polisi, sehingga had yang dinyatakan di Sijil Insurans Anda dan akan dibayar kepada Pemegang Polisi. Jumlah baki (jika ada) selepas bayaran Pinjaman Yang Belum Jelas Anda kepada Pemegang Polisi, akan dibayar kepada Anda.  
Untuk mengelakkan keraguan, Manfaat Penyelesaian Pinjaman Yang Belum Jelas ini tidak akan dibayar sekiranya Anda tidak mempunyai apa-apa Pinjaman Yang Belum Jelas.
- **Tempoh kajian percuma** - Anda boleh membatalkan polisi Anda dengan mengembalikan polisi di dalam lingkungan 30 hari selepas Anda menerima polisi tersebut. Premium yang telah dibayar akan dibayar balik kepada Anda, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh kajian percuma tersebut.
- **Prosedur membuat tuntutan**  
Jika berlaku apa-apa kejadian yang berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Penuntut mesti memberikan notis bertulis kepada Kami secepat yang mungkin, dan dalam apa-apa kejadian, dalam tempoh 30 hari dari tarikh kejadian.

Nota : Di atas hanyalah ringkasan terma dan syarat : utama tertentu Polisi ini dan bukan menyeluruh. Sila baca Keterangan Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang penuh di bawah Polisi ini.

## 6. Apakah pengecualian penting di bawah Polisi ini?

---

Polisi ini tidak terpakai untuk melindungi apa-apa Manfaat yang terjadi secara langsung atau tidak langsung daripada:

- Kecederaan diri, bunuh diri atau tindakan yang tidak dibenarkan oleh undang-undang
- Memandu semasa mabuk
- Sukan professional/bermotor
- Peperangan (samada diisytiharkan atau tidak), perang saudara, rusuhan, kekecohan awam
- Terlibat dalam penerbangan selain daripada penumpang berbayar
- Keadaan perubatan prawujud
- Sakit dan penyakit
- Gigitan nyamuk dan serangga
- Penyakit hubungan kelamin, kecacatan sejak lahir
- Kehamilan, kelahiran, keguguran atau pengguguran
- Rawatan akupunktur

Nota : Senarai ini bukan menyeluruh. Sila rujuk kepada Keterangan Polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap di bawah Polisi ini.

## 7. Bolehkah Saya membatalkan Polisi Saya?

---

Anda boleh membatalkan Perlindungan Anda di bawah Polisi ini dengan memberikan Kami sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis bertulis terlebih dahulu atau melalui komunikasi elektronik. Di atas pembatalan, dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat, Anda boleh menerima bayaran balik bahagian pro-rata apa-apa premium yang telah dibayar tanpa faedah, seperti yang dinyatakan di dalam Keterangan Polisi.

## 8. Apakah yang perlu Saya buat jika terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi Saya?

---

Adalah penting untuk Anda memberitahu Kami jika terdapat apa-apa perubahan dalam profil riwayat Anda termasuk pekerjaan Anda dan aktiviti peribadi Anda yang akan mempengaruhi risiko profil.

## 9. Di manakah Saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

---

Jika Anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad  
Registration Number : 197001000564 (9827-A)  
Wisma Chubb  
38 Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
O +6 03 2058 3000  
F +6 03 2058 3333  
E [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)  
W [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my)

## 10. Jenis Insurans Kemalangan Peribadi yang lain yang sedia ada:

---

Sila rujuk kepada laman [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my)

NOTA PENTING :

ANDA DINASIHATI MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KETIDAKUPAYAAN DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MEMPUNYAI PILIHAN UNTUK MENCALONKAN SEORANG PENAMA DAN IA HENDAKLAH MEMPUNYAI SAKSI DAN MEMASTIKAN YANG PENAMA MENGETAHUI MENGENAI POLISI KEMALANGAN PERIBADI YANG ANDA TELAH BELI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT DAN MEMBINCANG ATAU TERUS HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Lampiran Penerangan Produk ini disediakan di dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Harap diingatkan yang :

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada Kami atau pengantara Kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan Kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk Anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang Kami atau pengantara Kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, Kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan Anda;

- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum memohon Perlindungan di bawah Polisi.

Dengan mendaftar, Anda mengakui yang pengantara Kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada Anda dengan jelas mengenai perlindungan dan terma-terma utama kontrak, dan Polisi yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans Anda.

Maklumat yang diberi di dalam lampiran penerangan ini adalah sah pada 15 Mei 2024.

Lampiran Penerangan Produk ini hanya huraian yang ringkas sahaja dan bukan menyeluruh. Ini bukan kontrak insurans. Sila rujuk kepada butir-butir terperinci untuk terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Keterangan Polisi.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Polisi diisu kepada AEON Credit Service (M) Berhad sebagai Pemegang Polisi untuk manfaat pelanggan-pelanggannya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).